61 – 65 years / tahun	2,555.51	2,823.22	3,014.83	3,553.62	4,052.49	4,614.65	5,116.58	5,747.04
66 – 70 years / tahun	3,641.54	4,021.56	4,293.56	5,058.38	5,766.53	6,564.54	7,277.04	8,171.98
71 – 75 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	4,465.51	4,933.05	5,267.69	6,208.67	7,079.92	8,061.72	8,938.32	10,039.38
76 – 80 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	6,626.77	7,331.91	7,836.62	9,255.79	10,569.80	12,050.55	13,372.62	15,033.24
81 – 85 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	9,174.60	10,167.27	10,877.77	12,875.63	14,725.43	16,809.97	18,671.13	21,008.88
86 – 90 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	12,724.68	14,122.92	15,123.72	17,937.84	20,543.42	23,479.64	26,101.22	29,394.10
91 – 95 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	17,686.96	19,657.11	21,067.25	25,032.40	28,703.71	32,840.90	36,534.76	41,174.50
96 – 100 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	24,638.63	27,415.00	29,402.20	34,989.97	40,163.65	45,993.86	51,199.32	57,737.73

Please take note that RM10 of stamp duty shall be charged. / Sila ambil perhatian bahawa duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan.

BASIC BENEFITS + OPTIONAL BENEFITS 2 / MANFAAT ASAS + MANFAAT OPSYENAL 2

Annual Premium for Cashless Plan – Medical card to facilitate admission to panel hospitals without the need to pay upfront /
Premium Tahunan bagi Kemasukan Tanpa Tunai -

Kemudahan kad perubatan untuk kemasukan ke hospital panel

tanpa perlu bayaran pendahuluan

AGE BAND (Age next birthday) / LINGKUNGAN UMUR (Ulang tahun umur berikutnya)	PLAN / PELAN (RM)							
	1	2	3	4	5	6	7	8
Overall Annual Limit / Had Tahunan Keseluruhan	30,000	50,000	100,000	300,000	500,000	700,000	1,000,000	2,000,000
30 days / hari – 17 years / tahun	964.05	1,062.11	1,132.29	1,327.02	1,507.02	1,709.65	1,890.79	2,133.04
18 – 35 years / tahun	810.13	894.29	954.52	1,123.90	1,280.72	1,457.45	1,615.24	1,813.43
36 – 45 years / tahun	1,074.32	1,185.97	1,265.89	1,490.61	1,698.67	1,933.14	2,142.49	2,405.44
46 – 55 years / tahun	1,175.22	1,298.32	1,386.44	1,634.20	1,863.60	2,122.11	2,352.92	2,642.84
56 – 60 years / tahun	1,928.50	2,130.49	2,275.08	2,681.62	3,058.04	3,482.22	3,860.95	4,336.66
61 – 65 years / tahun	3,194.39	3,529.03	3,768.54	4,442.03	5,065.61	5,768.32	6,395.73	7,183.80
66 – 70 years / tahun	4,551.93	5,026.95	5,366.94	6,322.98	7,208.16	8,205.68	9,096.30	10,214.98
71 – 75 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	5,581.89	6,166.32	6,584.62	7,760.84	8,849.90	10,077.15	11,172.90	12,549.23
76 – 80 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	8,283.47	9,164.89	9,795.77	11,569.74	13,212.25	15,063.18	16,715.78	18,791.55
81 – 85 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	11,468.26	12,709.09	13,597.22	16,094.54	18,406.79	21,012.46	23,338.92	26,261.10
86 – 90 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	15,905.85	17,653.65	18,904.65	22,422.30	25,679.27	29,349.54	32,626.52	36,742.62
91 – 95 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	22,108.70	24,571.39	26,334.06	31,290.51	35,879.64	41,051.13	45,668.45	51,468.13
96 – 100 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	30,798.29	34,268.75	36,752.75	43,737.46	50,204.57	57,492.33	63,999.15	72,172.16

Please take note that RM10 of stamp duty shall be charged. / Sila ambil perhatian bahawa duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan.

**BASIC BENEFITS + OPTIONAL BENEFITS 1 +
OPTIONAL BENEFITS 2 /
MANFAAT ASAS + MANFAAT OPSYENAL 1 +
MANFAAT OPSYENAL 2**

Annual Premium for Non-Cashless Plan – Pay upfront and seek reimbursement from RHB Insurance /

Premium Tahunan bagi Kemasukan Bukan Tanpa Tunai -

Bayar pendahuluan dan dapatkan bayaran balik daripada RHB Insurans

AGE BAND (Age next birthday) / LINGKUNGAN UMUR (Ulang tahun umur berikutnya)	PLAN / PELAN (RM)							
	1	2	3	4	5	6	7	8
Overall Annual Limit / Had Tahunan Keseluruhan	30,000	50,000	100,000	300,000	500,000	700,000	1,000,000	2,000,000
30 days / hari – 17 years / tahun	798.59	895.26	971.23	1,148.01	1,305.18	1,482.14	1,640.30	1,850.76
18 – 35 years / tahun	685.45	777.68	869.40	1,049.29	1,197.65	1,364.84	1,514.11	1,701.61
36 – 45 years / tahun	959.60	1,115.69	1,321.81	1,644.89	1,880.34	2,145.67	2,382.56	2,680.12
46 – 55 years / tahun	1,138.55	1,369.29	1,809.35	2,313.89	2,641.09	3,009.82	3,339.04	3,752.55
56 – 60 years / tahun	1,859.89	2,232.89	2,899.65	3,713.49	4,243.97	4,841.76	5,375.50	6,045.90
61 – 65 years / tahun	2,977.91	3,527.21	4,418.04	5,594.81	6,395.15	7,297.06	8,102.32	9,113.78
66 – 70 years / tahun	4,170.14	4,902.56	6,021.55	7,573.46	8,655.36	9,874.56	10,963.10	12,330.39
71 – 75 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	5,052.36	5,911.13	7,170.65	8,977.48	10,261.18	11,707.77	12,999.36	14,621.67
76 – 80 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	7,258.44	8,384.69	9,829.22	12,131.93	13,874.75	15,838.74	17,592.26	19,794.82
81 – 85 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	9,860.51	11,310.45	12,978.86	15,881.64	18,180.07	20,770.17	23,082.71	25,987.43
86 – 90 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	13,487.10	15,393.62	17,377.82	21,127.05	24,209.19	27,682.45	30,783.53	34,678.69
91 – 95 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	18,557.27	21,107.63	23,537.13	28,479.94	32,667.22	37,385.85	41,598.84	46,890.65
96 – 100 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	25,661.03	29,119.00	32,176.27	38,801.68	44,546.87	51,021.11	56,801.58	64,062.25

Please take note that RM10 of stamp duty shall be charged. / Sila ambil perhatian bahawa duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan.

**BASIC BENEFITS + OPTIONAL BENEFITS 1 +
OPTIONAL BENEFITS 2 /
MANFAAT ASAS + MANFAAT OPSYENAL 1 +
MANFAAT OPSYENAL 2**

Annual Premium for Cashless Plan – Medical card to facilitate admission to panel hospitals without the need to pay upfront /
Premium Tahunan bagi Kemasukan Tanpa Tunai - Kemudahan kad perubatan untuk kemasukan ke hospital panel tanpa perlu bayaran pendahuluan

AGE BAND (Age next birthday) / LINGKUNGAN UMUR (Ulang tahun umur berikutnya)	PLAN / PELAN (RM)							
	1	2	3	4	5	6	7	8
Overall Annual Limit / Had Tahunan Keseluruhan	30,000	50,000	100,000	300,000	500,000	700,000	1,000,000	2,000,000
30 days / hari – 17 years / tahun	998.23	1,119.08	1,214.03	1,435.01	1,631.48	1,852.67	2,050.38	2,313.45
18 – 35 years / tahun	856.82	972.10	1,086.75	1,311.61	1,497.06	1,706.05	1,892.64	2,127.02
36 – 45 years / tahun	1,199.51	1,394.62	1,652.26	2,056.11	2,350.42	2,682.08	2,978.20	3,350.15
46 – 55 years / tahun	1,423.19	1,711.61	2,261.69	2,892.36	3,301.37	3,762.28	4,173.80	4,690.69
56 – 60 years / tahun	2,324.86	2,791.11	3,624.56	4,641.86	5,304.96	6,052.20	6,719.37	7,557.38
61 – 65 years / tahun	3,722.38	4,409.01	5,522.55	6,993.51	7,993.94	9,121.32	10,127.90	11,392.22
66 – 70 years / tahun	5,212.68	6,128.20	7,526.93	9,466.83	10,819.20	12,343.20	13,703.88	15,412.99
71 – 75 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	6,315.45	7,388.91	8,963.31	11,221.85	12,826.48	14,634.72	16,249.19	18,277.09
76 – 80 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	9,073.05	10,480.86	12,286.52	15,164.91	17,343.44	19,798.42	21,990.33	24,743.52
81 – 85 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	12,325.64	14,138.06	16,223.57	19,852.05	22,725.09	25,962.71	28,853.39	32,484.29
86 – 90 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	16,858.88	19,242.03	21,722.28	26,408.81	30,261.49	34,603.07	38,479.41	43,348.36
91 – 95 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	23,196.59	26,384.53	29,421.42	35,599.93	40,834.03	46,732.31	51,998.55	58,613.31
96 – 100 years (Renewal only) / tahun (Pembaharuan sahaja)	32,076.29	36,398.76	40,220.33	48,502.10	55,683.59	63,776.39	71,001.98	80,077.81

Please take note that RM10 of stamp duty shall be charged. / Sila ambil perhatian bahawa duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan.

DEDUCTIBLE PROGRAMME / PROGRAM DEDUKTIBEL

OPTION / PILIHAN	DISCOUNT ON ANNUAL PREMIUM / DISKAUN KE ATAS PREMIUM TAHUNAN
Option 1 – Policy only pays in excess of RM5,000 on eligible expenses per disability / Pilihan 1 – Polisi hanya membayar perbelanjaan lebih daripada RM5,000 untuk perbelanjaan yang layak bagi setiap hilang upaya	25.0%
Option 2 – Policy only pays in excess of RM10,000 on eligible expenses per disability / Pilihan 2 – Polisi hanya membayar perbelanjaan lebih daripada RM10,000 untuk perbelanjaan yang layak bagi setiap hilang upaya	35.0%
Option 3 – Policy only pays in excess of RM20,000 on eligible expenses per disability / Pilihan 3 – Polisi hanya membayar perbelanjaan lebih daripada RM20,000 untuk perbelanjaan yang layak bagi setiap hilang upaya	50.0%
Option 4 – Policy only pays in excess of RM30,000 on eligible expenses per disability / Pilihan 4 – Polisi hanya membayar perbelanjaan lebih daripada RM30,000 untuk perbelanjaan yang layak bagi setiap hilang upaya	55.0%
Option 5 – Policy only pays in excess of RM50,000 on eligible expenses per disability / Pilihan 5 – Polisi hanya membayar perbelanjaan lebih daripada RM50,000 untuk perbelanjaan yang layak bagi setiap hilang upaya	62.5%
Option 6 – Policy only pays in excess of RM100,000 on eligible expenses per disability / Pilihan 6 – Polisi hanya membayar perbelanjaan lebih daripada RM100,000 untuk perbelanjaan yang layak bagi setiap hilang upaya	75.0%

Deductible Option Example:

Age (next birthday): 40

Plan Type: Section 1 Basic Benefit (Cashless Plan 2)

Annual Premium: RM883.02

Deductible Option: Option 2

Deductible Amount: RM10,000

Discount on Annual Premium: 35%

$RM883.02 \times 35\% = RM309.06$

$RM883.02 - RM309.06 = RM573.96$

By taking up our deductible options, you can enjoy more savings and only need to pay RM573.96 instead of RM883.02 for your Annual Premium. However, you will have to settle the first RM10,000 (Deductible Amount) in any claim while MediSure Supreme covers the remaining cost.

Find out more about Deductibles on the Frequently Asked Questions section on page 5 and 6.

Contoh Pilihan Deduktibel:

Umur anda (umur pada hari jadi yang akan datang): 40

Jenis Pelan: Seksyen 1 Manfaat Asas (Pelan Kemasukan Tanpa Tunai 2)

Premium Tahunan: RM883.02

Pilihan Deduktibel: Pilihan 2

Jumlah Deduktibel: RM10,000

Diskaun atas Premium Tahunan: 35%

$RM883.02 \times 35\% = RM309.06$

$RM883.02 - RM309.06 = RM573.96$

Dengan memilih program deduktibel, anda boleh menikmati lebih penjimatan dan hanya perlu membayar RM573.96 dan bukannya RM883.02 untuk Premium Tahunan anda. Tetapi anda akan menanggung kos RM10,000 yang pertama (Jumlah Deduktibel) dalam sebarang tuntutan manakala MediSure Supreme akan menanggung baki kos yang dikenakan.

Dapatkan maklumat lanjut tentang Deduktibel di bahagian Soalan Lazim pada muka surat 38 hingga 39.

INSURANS MEDISURE SUPREME

Kekalkan kawalan pemilihan insurans. Insurans MediSure Supreme memberikan anda fleksibiliti untuk mendapatkan perlindungan diingini. Dapatkan perlindungan untuk rawatan perubatan yang anda perlukan apabila perkara yang tidak dijangka berlaku. Nikmati ketenangan fikiran dan daftarlah untuk Insurans MediSure Supreme hari ini.

MANFAAT

1. Had keseluruhan tahunan dan seumur hidup yang tinggi

Anda boleh memilih pelan dengan had keseluruhan tahunan sebanyak RM30,000 sehingga RM 2 juta. Kami juga menawarkan tiada had seumur hidup untuk pelan yang lebih tinggi.

2. Masuk dan keluar dengan mudah

Anda akan diberikan kemudahan pilihan kemasukan tanpa tunai untuk memudahkan urusan kemasukan ke hospital atau menikmati penjimatan pada premium dengan tidak memilih daripada manfaat ini.

3. Perlindungan perubatan sepanjang hayat

Semua pelan adalah dijamin boleh diperbaharui sehingga umur 100 tahun dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tempoh tahun pertama perlindungan*. Jika polisi telah layak untuk jaminan pembaharuan, kami tidak akan mengenakan sebarang pengecualian, penambahan atau penolakan ke atas pembaharuan yang berikutnya pada tahun-tahun kemudian tanpa mengira tuntutan yang dibuat.

4. Naik taraf tanpa pengunderaitan percuma

Anda dibenarkan untuk menaik taraf ke pelan yang lebih tinggi atau merendahkan pilihan deduktibel anda tanpa pengunderaitan bagi setiap tiga (3) tahun tanpa tuntutan, selagi tiada tuntutan dibuat dalam jangka masa dua (2) tahun.

5. Tiada bayaran bersama

Kami tidak mengenakan sebarang bayaran bersama ke atas bil-bil perubatan yang dikenakan walaupun anda memilih untuk menaik taraf had manfaat bilik dan makanan anda apabila dimasukkan ke hospital.

6. Pilihan deduktibel untuk lebih penjimatan

Nikmati lebih penjimatan dengan pilihan deduktibel kami untuk premium tahunan anda antara 25% hingga 75%. Dapatkan maklumat lanjut tentang deduktibel di seksyen Program Deduktibel pada muka surat 32.

7. Manfaat Opsyenal Tambahan

Anda boleh memilih untuk menambah manfaat dengan membayar premium tambahan bagi manfaat di bawah:

- a) Rawatan dialisis buah pinggang pesakit luar tahunan – termasuk rundingan, ujian pemeriksaan, dadah yang dibawa pulang
- b) Rawatan kanser pesakit luar tahunan – termasuk imunoterapi, terapi sasaran, terapi hormon, rundingan, ujian pemeriksaan, dadah yang dibawa pulang
- c) Bantuan optik untuk kanta intraokular (IOL) untuk katarak atau pembedahan kecederaan mata
- d) Kos rawatan perubatan, kesan sampingan vaksin dan kematian akibat penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin mengikut undang-undang.
- e) Pengecualian klausa tinggal di luar negara (negara ASEAN)

**Polisi boleh diperbaharui atas pilihan pemegang polisi tertakluk kepada terma dan syarat.*

KELAYAKAN

Individu yang berumur di antara tiga puluh (30) hari hingga tujuh puluh (70) tahun, termasuk kedua-dua usia dan boleh diperbaharui sehingga berusia seratus (100) tahun.

Pelan ini boleh melindungi pasangan dan anak-anak di bawah tanggungan anda tertakluk kepada yang berikut:

- a) Pasangan daripada perkahwinan yang sah berumur di bawah tujuh puluh (70) tahun apabila pertama kali dimasukkan. Apabila dimasukkan pasangan boleh terus dilindungi sehingga usia seratus (100) tahun.
- b) Anak-anak yang belum berkahwin antara usia tiga puluh (30) hari dan sembilan belas (19) tahun, termasuk kedua-dua usia. Had usia bagi anak-anak di bawah tanggungan yang merupakan pelajar sepenuh masa institusi pengajian tinggi adalah dua puluh tiga (23) tahun.

PENGECUALIAN PERLINDUNGAN

Pengecualian perlindungan pelan ini meliputi:

- a) Penyakit sedia ada.
- b) Penyakit tertentu yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama bagi perlindungan berterusan.

- c) Sebarang keadaan perubahan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama perlindungan atau tarikh pengembalian semula bagi Pihak Diinsuranskan, mengikut mana-mana yang terakhir kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan.
- d) Pembedahan plastik / kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembedahan penglihatan dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomy Radial), kanta intraokular (kecuali kanta monofokal untuk katarak atau pembedahan mata) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya.
- e) Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan Akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam tempoh Insurans.
- f) Jagaan kejururawatan peribadi, rehat pulih atau jagaan sanitarium, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venerel dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV (Sindrom Kurang Daya Tahan Manusia) kecuali jangkitan HIV yang timbul akibat pemindahan darah dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
- g) Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.
- h) Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran dan jagaan serta pembedahan prenatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketaksuburan, disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau Pensterilan.
- i) Penghospitalkan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan X-ray, pemeriksaan fizikal atau perubahan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.
- j) Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman.
- k) Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau penganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera.
- l) Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear.
- m) Belanja yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Pihak Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika permindahan organ dan komplikasinya.
- n) Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain.
- o) Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak dikehendaki atau setakat yang ia dibayar oleh mana-mana insurans lain atau tanggung rugi yang ia melindungi Pihak Diinsuranskan dan Hilang Upaya yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja.
- p) Tekanan psikologi, gangguan mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
- q) Kos / perbelanjaan bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.
- r) Sakit atau Kecederaan yang timbul daripada sebarang jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun sukan udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang tidak dibenarkan.
- s) Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
- t) Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina.

Nota: Pengecualian ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk butiran penuh.

SOALAN-SOALAN LAZIM

- 1. Bolehkah saya membeli Insurans MediSure Supreme untuk anak saya?**

Ya, anda boleh mengisi borang cadangan yang berasingan untuk anak anda yang berumur kurang daripada 18 tahun, dengan anda sebagai Pencadang dan anak anda menjadi Pihak Diinsuranskan.
- 2. Perlukah saya menjalani pemeriksaan perubatan pra-kemasukan?**

Pemeriksaan perubatan pra-kemasukan mungkin diperlukan bergantung kepada akaun kesihatan dan pelan pilihan. Anda perlu menanggung kos untuk mendapatkan laporan perubatan tersebut.
- 3. Berapa lama masa yang akan diambil untuk Insurans MediSure Supreme berkuatkuasa?**

Polisi anda akan bermula dari tarikh kami meluluskan cadangan anda dan menerima bayaran premium penuh anda. Walau bagaimanapun, terdapat 30 hari tempoh menunggu selepas Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke dalam Polisi, melainkan kemasukan ke hospital akibat kemalangan berlaku selepas tarikh kuat kuasa perlindungan.
- 4. Adakah polisi saya masih melindungi saya jika saya tidak lagi tinggal di Malaysia?**

Sekiranya anda tinggal di luar Malaysia selama lebih daripada 90 hari, polisi tidak akan berkuat kuasa melainkan anda memilih Pengecualian Klausu Tinggal di Luar Negara di bawah seksyen 3.
- 5. Apakah kemasukan hospital tanpa tunai?**

Kemasukan tanpa tunai bermakna kemasukan dan keluar dari mana-mana hospital panel MediSure Supreme untuk perbelanjaan layak adalah tanpa tunai dan mudah. Anda tidak perlu membayar bil-bil dan membuat tuntutan daripada kami.
- 6. Apakah itu Program Deduktibel?**

Pilihan ini membenarkan anda membayar sebahagian daripada keseluruhan premium tahunan tetapi anda perlu menjelaskan RM5,000, RM10,000, RM20,000, RM30,000, RM50,000 atau RM100,000 (mengikut pilihan anda) perbelanjaan yang layak untuk bil perubatan anda. Manfaat ini amat baik sekiranya anda telah mempunyai polisi Insurans Penghospitalkan & Pembedahan atau anda dilindungi oleh syarikat pada masa ini.
- 7. Jika saya penderma organ kepada pihak lain, bolehkah saya menuntut perbelanjaan perubatan yang dikenakan dilindungi di bawah pelan saya?**

Tidak, semua kos yang ditanggung oleh anda sebagai penderma tidak dilindungi.

- 8. Adakah saya tertakluk kepada klausa bayaran bersama jika saya dimasukkan ke bilik yang berharga lebih tinggi daripada manfaat bilik dan makanan saya?**

Tidak, klausa bayaran bersama dikecualikan. Walau bagaimanapun, mana-mana item yang tidak dilindungi, jumlah yang boleh ditolak, dan jumlah melebihi Had Keseluruhan / Had Seumur Hidup anda akan ditanggung oleh anda.
- 9. Apa yang perlu saya lakukan jika saya dimasukkan ke hospital bukan panel?**

Anda perlu terlebih dahulu membayar bil anda sendiri dan mengemukakan tuntutan kepada kami untuk bayaran balik perbelanjaan yang layak.
- 10. Dimanakah saya boleh dapatkan senarai hospital panel?**

Anda boleh melayari halaman maklumat umum di laman web insurance.rhbgroup.com.
- 11. Jika tuntutan dikenakan pada tahun pertama polisi saya (disebabkan oleh kemalangan / penyakit), adakah pembaharuan premium saya akan terjejas?**

Ya, syarikat berhak untuk menyemak semula premium pembaharuan, terma pembaharuan atau menolak pembaharuan.
- 12. Adakah premium tetap?**

Kadar premium mungkin ditukar pada masa hadapan tetapi keputusan untuk pertukaran kadar premium akan bergantung kepada pengalaman menanggung jamin keseluruhan kelas perniagaan ini. Anda akan diberi notis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum pertukaran berkuat kuasa dan ini akan berkuat kuasa pada ulang tahun polisi anda.
- 13. Adakah saya dilindungi semasa berada di luar negara?**

Ya. Jika anda memilih atau dirujuk untuk dirawat di luar Malaysia oleh Pakar Perubatan yang merawat. Bagaimanapun, manfaat bagi rawatan itu hendaklah dihadkan kepada bayaran munasabah dan biasa diamalkan yang perlu dari segi perubatan untuk rawatan yang sama di Malaysia. Ini juga mengecualikan kos pengangkutan ke tempat rawatan.
- 14. Bolehkah saya memilih untuk menambah Seksyen 2 atau 3 selepas pembaharuan tahunan perlindungan?**

Ya. Anda boleh memilih untuk menambah Seksyen 2 atau 3 semasa pembaharuan tahunan perlindungan. Tiada pindaan pertengahan penggal dibenarkan.

NOTIS PENTING:

- Pelan insurans ini ditaja jamin oleh RHB Insurance Berhad 197801000983 (38000 U), Syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- Istilah “Syarikat” dan “Kami” akan merujuk kepada RHB Insurance Berhad.
- Sekiranya wujud ketidakseragaman, kesamaran atau pertikaian dalam pentafsiran terma dan syarat kontrak, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.
- Risalah dan maklumat yang terkandung di sini adalah untuk maklumat am sahaja anda aduan tidak lengkap. Ia bukanlah kontrak insurans. Terma yang tepat, pengecualian dan syarat pelan insurans ini adalah dinyatakan dalam kontrak polisi. Pencadang harus memastikan bahawa pelan yang dipilih memuaskan diri dan memenuhi keperluannya dan premium yang perlu dibayar adalah jumlah yang mampu dibayar. Tertakluk kepada terma dan syarat.

UNDERWRITTEN BY / DITAJA JAMIN OLEH:



Head Office / Ibu Pejabat

RHB Insurance Berhad (38000-U)
Level 12, West Wing,
The Icon, No. 1, Jalan 1 / 68F,
Jalan Tun Razak,
55000 Kuala Lumpur.

Customer Relationship Centre (CRC) / Kaunter Khidmat Pelanggan

Level 1, Tower Three, RHB Centre,
Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.

Insurance Inquiries / Pertanyaan Insurans

Tel: 1300 220 007
Fax: +603-2163 7277
WhatsApp: +6012-603 1978

24 Hours Hospitalisation Services / Perkhidmatan Hospital 24 Jam

Tel: +603-2089 3818 / +603-2089 8699

More Information / Maklumat Lanjut

 insurance.rhbgroup.com

 rhbi.general@rhbgroup.com

 Visit any RHB Insurance Branch nationwide /
Kunjungi mana-mana Cawangan RHB Insurance di seluruh negara

It is our pleasure to serve you /
Adalah menjadi kebanggaan kami berkhidmat untuk anda
Distributed by / Diedarkan oleh:

This page is intentionally left blank /
Halaman ini sengaja dibiarkan kosong

This page is intentionally left blank /
Halaman ini sengaja dibiarkan kosong

INSURANS
MediSure Supreme

Insurans perubatan
fleksibel yang memenuhi
keperluan anda.



RHB 